

Newspaper	Berita Harian
Date	26/08/2012



Najib dan Rosmah berbual dengan Dr Mahathir sambil diperhatikan Tun Dr Siti Hasmah pada majlis rumah terbuka di kediamannya, di Kuala Lumpur, semalam. (FOTO BERNAMA)

## Kesiapsiagaan BN hadapi PRU-13 tinggi

BH-26/8/2012

» Dr Mahathir mahu Najib diberi masa pulih sokongan rakyat

Oleh Faiza Zainudin  
faiza@bharian.com.my

■ Kuala Lumpur

**T**un Dr Mahathir Mohamad berpendapat Barisan Nasional (BN) kini berada pada tahap kesiapsiagaan yang tinggi dan sudah bersedia menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13).

Bekas Perdana Menteri berkata, keadaan itu turut didorong usaha reformasi dan transformasi dilaksana Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Bagaimanapun, beliau berkata, masa perlu diberikan kepada Najib bagi memulihkan sokongan rakyat secara keseluruhan, sekali gus memastikan kemenangan lebih besar.

### Beri Najib masa

"Ia (BN) semakin kuat, usaha Datuk Seri Najib nampaknya berhasil dan saya tak tahu bila dia nak adakan pilihan raya, tapi kalau bagi dirinya sedikit masa lagi, saya rasa kita boleh pulih dan mendapat sokongan

rakyat," katanya pada sidang media pada majlis rumah terbuka beliau dan isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohamad Ali di sini, semalam.

Kira-kira 10,000 orang mengunjungi majlis yang bermula seawal jam 10 pagi. Turut hadir, Najib dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor serta Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan isteri, Puan Sri Noorainee Abdul Rahman.

Awal tahun ini, Dr Mahathir dipetik sebagai berkata, parti komponen BN belum menghadapi pilihan raya umum (ketika itu).

### Pergolakan dalaman

Ditanya mengenai pergolakan dalaman yang dikatakan berlaku dalam BN, Dr Mahathir berkata, pergolakan tidak dapat dielakkan di dalam mana-mana parti, termasuk

“Masa perlu diberikan kepada Najib bagi pulihkan sokongan rakyat secara keseluruhan, sekali gus pastikan kemenangan lebih besar”

Tun Dr Mahathir Mohamad,  
Bekas Perdana Menteri

lah pembangkang.

Dalam pada itu, Dr Mahathir tidak bersetuju dengan cadangan DAP yang mahu memperkenalkan undang-undang antilompat parti kerana ia akan menyekat hak kebebasan individu.

"Undang-undang itu tidak kena sebab kita nak bebas, liberal, boleh cakap... itu kebebasan kita, kenapa nak sekat kebebasan orang nak lompat (parti)," katanya.

Mengenai tindakan Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Karpal Singh mengemukakan sapina ke atasnya kerana didakwa menghasut dan menghina institusi beraja ketika perdebatan pindaan Perlembagaan 1993 di Parlimen, Dr Mahathir berkata, beliau tiada masalah untuk hadir.

"Dia (Karpal Singh) boleh lah sapina tapi tunjukkan bukti saya menghasut dalam bentuk hansard (buku catatan Parlimen)... saya bersedia menghadapinya," katanya.

### 'Syaitan' dan 'malaikat'

Mengulas ungkapannya BN sebagai 'syaitan yang anda kenal', manakala pembangkang sebagai 'malaikat yang anda tidak kenal' dalam blognya, Dr Mahathir berkata, perubahan dituntut rakyat perlu kepada yang lebih baik bukan sebaliknya.

"Itu yang dilakukan BN, dan pembangkang sering memutar-belit supaya rakyat benci BN.

"Mereka (pembangkang) kata 55 tahun memerintah, BN tidak buat kerja dan pilihan raya ini masa untuk berubah. Kita mesti berubah kepada yang lebih baik bukan bertambah teruk dan merugikan kita.

"Kita (BN) adalah syaitan yang mereka (rakyat) kenal, tapi malaikat yang tidak dikenali (pembangkang) boleh buat apa saja untuk memastikan mereka dapat memerintah," katanya.

BH Digital



Untuk lebih gambar sila layari  
subscription.nstp.com.my